

Tunku Abdullah tetap bersalah — Mahathir

19 JUL 1994

KUALA LUMPUR 18 Julai — Dasar luar kerajaan mengharamkan warganegara Malaysia menjejak kaki ke Israel masih belum berubah, termasuk dengan niat meninjau peluang-peluang perniagaan, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau menegaskan perbuatan Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman melawat negara itu baru-baru ini merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan.

Selain daripada Tunku Abdullah kata Perdana Menteri, "pihak-pihak lain yang juga pernah ke Israel" juga boleh dikenakan tindakan.

"Sehingga kini, kita belum benarkan apa-apa perniagaan dengan Israel," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Perundingan Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan

berhasrat untuk membenarkan rakyat Malaysia meneroka peluang perniagaan di negara Yahudi itu, sepertimana yang telah dilakukan oleh Tunku Abdullah bulan lalu.

Tunku Abdullah dalam kenyataan akhbarnya kelmarin berkata, lawatannya itu adalah bersifat peribadi dan semata-mata untuk meninjau peluang-peluang perniagaan.

Menurut adinda Yang di-Perutusan Agung itu, beliau telah berbincang dengan tokoh-tokoh perdagangan sebagai persediaan hubungan selepas tamat perundingan damai, terutamanya dengan Palestin, di samping Jordan dan Syria.

Beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Yitzhak Rabin dan Menteri Luar, Shimon Peres.

■ Lihat muka 2

Tunku Abdullah tetap bersalah — Mahathir

Tunku Abdullah mendakwa di antara topik perbincangan semasa pertemuan dengan pemimpin Yahudi itu ialah kemungkinan memperoleh teknologi memulihkan tanah bijih timah yang sudah dilombong bagi tujuan pertanian seperti yang dilakukan di padang pasir di sana.

Selain itu, beliau turut membincangkan potensi pelancongan terutama bagi rakyat Malaysia untuk mengunjungi Masjid Al-Aqsa dan tempat bersejarah yang lain.

Mengenai masa depan hubungan Malaysia-Israel, Perdana menteri berkata, perkara itu perlu dikaji dengan teliti terlebih dahulu.

"Kita kena kaji, tetapi setakat yang kita tahu, dia (Tunku Abdullah) cuma hendak mencari dan mendapat maklumat, dan kitapun belum buat sebarang keputusan lagi," katanya.

Dr. Mahathir bagaimanapun menegaskan, di waktu ini kerajaan belum benarkan apa-apa perniagaan dengan Israel.

Beliau menambah perbuatan Tunku Abdullah pergi ke Israel memang

salah, "tetapi ada orang lain pun buat salah juga tapi kita tidak ambil tindakan, kalau hendak ambil tindakan, kena ambil kira semualah".

Ditanya sama ada wartawan *Utusan* yang bukan warganegara Malaysia yang telah melawat Israel baru-baru ini juga akan dikenakan tindakan, Dr. Mahathir berkata, "itu saya tidak tahulah... itu cerita baru".

Menjawab satu soalan lain, sama ada kerajaan telah membuat sebarang susulan seperti keputusan muktamad mengenai Darul Arqam, kerana Indonesia telah mengharamkan Al-Arqam, beliau berkata Malaysia belum membuat sebarang keputusan lagi.

"Tiada apa lagi...tiada apa-apa dalam 24 jam ini," katanya.

Diminta mengulas khabar-khabar angin berhubung keretakan hubungan antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, Perdana Menteri menegaskan, khabar angin itu tidak mewujudkan risiko atau masalah sama

ada kepada kerajaan atau UMNO.

"Kalau betul boleh timbulkan risiko, hari ini saya sudah menggelabah, susah hati dan sebagainya... tapi nampaknya tak ada apa-apa masalah pun," ujarnya.

Bagaimanapun, beliau mengakui memang sukar untuk satu pihak menerima pandangan dari satu pihak yang lain - termasuk di dalam UMNO sendiri.

"Nak harap semua orang setuju dengan semua perkara sepanjang masa, tak pernah jadilah, mana mana *group*, mana mana orang...suami-isteri pun mempunyai perbezaan pendapat... mungkin ada beza pendapat, tetapi itu semua tak ada masalah," katanya.

Beliau menambah, "takkanlah kita semua hendak bersetuju 100 peratus, dalam UMNO pun kita semua tidak pernah bersetuju, kalau tidak, buat apa hendak adakan mesyuarat dalam UMNO, kalau semua setuju kita tidak payah mesyuaratlah, semua ikut arahan dari saya sudahlah".